

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN

NOVEMBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan ini yang disediakan

KHAIRUNNIZWANI BTE RAMDAN


2006125157

bertajuk

CADANGAN REKABENTUK BARU RUANG DALAMAN UNTUK GEMPAKSTARZ KEDAI KOMIK

diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan

:  3/11/2009

Pn. Ruzana binti Abd Kadir

Koordinator Kursus

: _____

Pn. Azizah binti Md Ajis

Koordinator Program

: _____

Prof. Madya Dr. Sabrizaa bin Abd Rashid

Abstark

Projek yang telah dipilih untuk projek akhir ini adalah merekabentuk baru kedai komik GEMPAKSTARZ untuk syarikat penerbitan Art Square Group Sdn. Bhd. yang beralamat di nombor 1, Jalan Wangsa Delima 1A, D'Wangsa, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur. Pemilihan projek ini bermula dengan isu-isu yang dikemukakan untuk mengukuhkan jenama produk penerbitan Art Square Group Sdn. Bhd disamping mengembangkan sayap perniagaan mereka ke luar negara. Pembinaan kedai pertama yang menghimpunkan kesemua produk terbitan dan keluaran syarikat Art Square Group menjadi projek pertama juga buat syarikat ini dalam bidang yang berbeza. Pasaran pada masa ini menunjukkan peningkatan dalam penjualan majalah dan komik menandakan golongan yang meminati bahan bacaan seperti ini besar dan mampu membawa keuntungan yang tinggi. Oleh yang demikian, Wangsa Maju terutamanya kawasan D'Wangsa merupakan tempat yang amat sesuai untuk kedai komik GEMPAKSTARZ kerana berdekatan dengan beberapa buah kolej kesenian dan pembangunan pesat yang ditunjukkan dengan pembinaan pusat membeli belah utama di Wangsa Maju iaitu Wangsa Walk Mall. Produk utama yang akan dijual di kedai komik ini adalah komik dan majalah yang diterbitkan setiap bulan. Pemilihan nama kedai GEMPAKSTARZ adalah berdasarkan populariti jenama komik ini berbanding komik dan majalah lain. Golongan masyarakat yang akan menjadi pelanggan terbesar untuk kedai komik ini adalah dari golongan remaja. Sehubungan dengan itu, beberapa siri kajian dijalankan untuk mencari jalan penyelesaian sebelum mengemukakan cadangan lanjut terhadap projek ini. Antara kaedah kajian ialah melalui temuramah, media cetak, internet, pemerhatian, pengalaman dan juga hasil daripada kajian kes samada dari dalam atau luar negara. Kesimpulannya, konsep dan rekabentuk di dalam kedai ini perlu menampakkan ciri-ciri sebuah kedai komik yang menjual bahan bacaan kreatif dan juga yang bersesuaian dan dijangka dapat menarik perhatian golongan remaja untuk mengunjungi kedai ini. Konsep yang dipilih untuk kedai ini ialah 'infinite' yang membawa maksud tanpa sempadan yang diterapkan ke dalam ruang dengan menjadi ruang lebih terbuka dengan penggunaan gelas dan besi sebagai bahan utama untuk kedai ini. Stail dan imej yang digunakan adalah untuk menambahkan keseronokkan dan keceriaan apabila berada didalam kedai ini ketika membuat pilihan untuk membeli komik dan majalah yang dipamerkan.

ABSTRAK

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKAT KATA

SENARAI LAMPIRAN

BIBLIOGRAFI

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Matlamat Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Metodologi Kajian	4-6
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Halangan Kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	9

BAB 2	KLIEN	
2.1	Latar Belakang Klien	10-11
2.2	Carta Organisasi	12
2.3	Visi dan Misi Klien	13
2.4	Imej Korporat	14-15
2.5	Produk Keluaran	16-23
BAB 3	KAJIAN DAN ANALISA TAPAK	24
3.1	Sejarah Tapak	25-26
3.2	Analisa Tapak	27-35
	3.2.1 Akses	
3.3	Analisa Bangunan	36-66
	3.3.1 Struktur Bangunan	
	3.3.2 Ruang Dalaman	
	3.3.3 Bukaan Bangunan	
	3.3.4 Mekanikal dan Elektrikal	
	3.3.5 Perpaipan dan Pengairan	
	3.3.6 Kemasan	
	3.3.7 Tempat Meletak Kenderaan	



BAB 1.0 Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Laporan ini disediakan bertujuan untuk menyatakan secara terperinci maklumat tentang projek yang dicadangkan dan juga maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjalankan projek ini. Antara maklumat yang terdapat didalam laporan projek ini adalah berkenaan projek yang dicadangkan, latar belakang klien dan kajian terhadap tapak dan bangunan yang akan digunakan.

Cadangan merekabentuk kedai komik untuk GEMPAKSTARZ merupakan cadangan baru untuk membuka kedai komik yang akan menjual semua hasil keluaran karya dari GEMPAKSTARZ. Cadangan ini bermula berdasarkan minat remaja terhadap bahan bacaan yang menjurus kepada bacaan kreatif dan menghiburkan. GEMPAKSTARZ juga merupakan satu-satunya pengeluar bahan bacaan kreatif yang sedang berkembang pesat di samping menjadi platform kepada pengkarya-pengkarya muda untuk menunjukkan bakat mereka dalam industry ini dan berpeluang untuk menerbitkan karya mereka dalam majalah-majalah keluaran GEMPAKSTARZ.

GEMPAKSTARZ merupakan satu jenama komik sepenuhnya hasil karya dan keluaran tempatan. Seiring dengan berkembangnya jenama ini di Malaysia, sebuah kedai buku yang menjual seratus peratus hasil karya di bawah jenama *GEMPAKSTARZ* dicadangkan. Penulis-penulis yang menyumbang idea dan tenaga dalam menghasilkan karya-karya dibawah jenama ini bernaung dibawah satu syarikat induk iaitu Art Square Creative Sdn Bhd. Industri komik semakin berkembang dan mula menampakkan peningkatan hasil jualan dari setahun ke setahun. Laporan akhbar turut mencatatkan peningkatan ini sebagai memberansangkan dan mula menampakkan potensi untuk lebih maju lagi. Sehingga kini, banyak bakat muda yang menunjukkan minat untuk menghasilkan karya mereka sendiri dan menerbitkannya dalam bentuk komik untuk dijual kepada umum. Selain komik, terdapat juga penghasilan karya dalam bentuk lain seperti novel grafik, majalah dan animasi mereka sendiri.